

Pejuang muzik tradisional

►IRMA KAMARUDIN
irmak@sph.com.sg

HASRAT beliau ialah mempersembahkan muzik tradisional Melayu ke per-sada seni antarabangsa.

Lantas, beliau bekerja keras berjuang membawa irama muzik Melayu ke luar Nusantara – ke benua Afrika, malah se-jauh Eropah.

Berkat usahanya, Encik Muhammad Riduan Zalani kini menjadi antara pemuzik profesional Melayu yang berjaya di Singapura dan telah merangkul pel-bagai anugerah termasuk Anugerah Ber-bakat Goh Chok Tong pada 2006 dan Anugerah Perak Hari Kebangsaan Singa-pura pada 2009.

Oleh itu, tidak menghairankan beliau dinobatkan sebagai salah seorang pene-rima anugerah tertinggi bagi belia se-tempat – Anugerah Belia Singapura – tahun ini.

Anugerah tersebut diberi oleh Majlis Belia Kebangsaan (NYC) sebagai peng-hargaan kepada belia yang telah mem-beri sumbangan kepada masyarakat dan membawa kecemerlangan kepada nega-ra.

Namun, Encik Riduan, 27 tahun, ber-kata setiap perjalannya ke arah ke-jayaan dipenuhi liku dan cabaran.

Bermula dari zaman remaja, pemain genderang profesional itu terpaksa melakukan kerja sambilan bagi menyara diri dan keluarganya.

Malah, selama 12 tahun, beliau me-netap di sebuah flat satu bilik di Marsiling bersama ibu dan empat adik-beradiknya setelah ibu bapanya berpisah.

Jadi, beliau berasa bersyukur mene-rima anugerah itu.

“Saya rasa bangga dan gembira mene-rima anugerah ini. Semua ini merupakan rahmat daripada Tuhan. Saya ingin me-nonggosi anugerah ini bersama para artis dan pemuzik lain,” kata Encik Riduan.

Beliau kini berada di Eropah selama hampir lapan minggu bagi mengadakan persempahanan muzik.

Encik Riduan, yang telah berkecimpung dalam industri muzik selama 20 tahun, berkata perjalannya sebagai pemuzik profesional bermula dengan tun-juk ajar daripada pak ciknya, Encik Imran Ahmad.

Sejak usia tujuh tahun, beliau terlibat dalam kumpulan dikir barat pak ciknya dengan bermain pelbagai alat muzik termasuk gong, canang dan kompong di majlis perkahwinan dan persempahanan di lu-



TEMPUHI CABARAN DEMI KEJAYAAN: Meskipun melalui pelbagai cabaran dalam kehidupannya, Encik Riduan bertekad menempuh semuanya demi mencapai cita-cita untuk menjadi seorang pemuzik Melayu profesional. – Foto TUKIMAN WARJI

ar.

Menurut Encik Riduan, beliau tidak mendapat sebarang latihan formal dalam bidang muzik sehingga menuntut dalam jurusan muzik di Maktab Seni Lasalle pada usia 19 tahun.

Dari situ, beliau berpeluang mempelajari teknik menggendang yang berbeza menggunakan alat-alat muzik pelbagai negara termasuk dari Timur Tengah, Afrika dan Amerika Latin.

Encik Riduan percaya seperti genre muzik lain, penting bagi seorang artis muzik Melayu sensitif mengenai peralihan zaman dan mencipta muzik yang sea-liran serta menepati cita rasa pendengar moden.

“Seperti genre muzik rock yang mempunyai cabangan seperti punk rock, metal rock dan sebagainya, begitu juga dengan muzik tradisional Melayu. Jika kita ingin ia maju, kita harus memberinya nafas moden dan menjadikan ia mudah didekati dunia,” kata beliau.

Dengan kepercayaan itu dan matlamat ingin melestari muzik tradisional Melayu serta melatih generasi muda agar meneruskan permainan alat genderang Melayu, Encik Riduan dan rakannya, Encik Yaziz Hassan, menujuhan sebuah kumpulan genderang yang dinamakan Nadi pada 2011.

Baru-baru ini, Nadi menerima geran semaihan daripada Majlis Seni Kebang-

saan (NAC) bagi menampung kegiatan dan pembangunan mereka selama tiga tahun.

Selain memberi tumpuan pada ker-jayanya, Encik Riduan meluangkan masa berbakti kepada masyarakat.

Beliau kini mengajar muzik gen-derang di sebuah rumah tumpangan bagi remaja bermasalah, AG Home, dan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) bagi sebuah kumpulan genderang, Sam-ba Masala.

Impian beliau ialah melihat sebuah in-stitut yang mempunyai pengkhususan dalam muzik genderang Melayu wujud di Singapura agar boleh menjadi tempat rujukan bagi generasi muda.

“Seperti genre muzik rock yang ada cabang seperti punk rock, metal rock dan sebagainya, begitu juga dengan muzik tradisional Melayu. Jika kita ingin ia maju, kita harus memberinya nafas moden dan menjadikan ia mudah didekati dunia.”

– Encik Riduan.